

# Mengekal, menambah pemilikan Bumiputera

W BH 11 NOV 1992

UCAPAN PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENGGULUNG PERBAHASAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1992 DIDEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR, AHAD LALU

## SAMBUNGAN SEMALAM

SAYA hendak cerita mengenai pembinaan bangunan Malayan Banking. Kontrak diberi kepada sebuah syarikat Korea. Syarikat ini buat separuh, kemudian bankrap. Kerajaan Korea beri arahan kepada syarikat lain supaya siapkan dalam masa yang dijanjikan walaupun rugi. Dan, syarikat Korea yang lam buat sehingga siap. Sebab dia takut kalau dia tak siap, kontrak dari Korea orang tak terima. Dia hendak jaga maruah dan kredibiliti bangsanya, negaranya.

Jadi, kita jangan menganggap bila pinjam duit satu perkara ringan. Kalau kita boleh, kita bayar, kalau tak boleh kita tak bayar. Bila kita tak bayar orang lain iadi mangsa. Sebaliknya, kalau kita bayar, ada kredibiliti dan kita tak ada problem. Orang yang selalu bayar, boleh pinjam. Barangkali kita tukar orang yang hendak pinjam itu menjadi manager bank, baru selesai. Selesai hutang selesai dengan bank sekali.

Kita kata sepatutnya semua jawatan dipegang oleh semua Bumiputera.

lam laut pun Bumiputera juga.

Kita buat kereta. Hampir 90 peratus pekerja terdiri daripada Bumiputera; dia punya pengurusan juga Bumiputera; Satu masa sampai Bumiputera tidak mahu langsung terima nasihat daripada orang Jepun. Kita rugi, kenalah kita tukar lain. Saya ada senarai banyak projek hendak tingkatkan ekonomi Bumiputera dan hari ini dengar macam-macam lagi cara yang nak dibuat untuk selesai masalah. Saya yakin kalau kita buat yang itu pun tak selesai masalah.

Yang saya cadangkan dalam ucapan saya itu boleh selesai masalah. Saya dapati tidak ramai orang yang ingat dalam ucapan saya, termasuk pemberita. Pemberita pun tak berapa tahu apa yang saya kata. Dia tidak baca, saya syorkan balik bacalah sikit. Tapi cara yang saya cadang ini tak mudah - susah. Tapi, kerajaan sanggup kalau susah kita tolong macam mana hendak atasi kesusahan itu.

Ini kita buat. Lesen pun kita beri. Senatunya soal lesen ni urusan Kementerian Pengangkutan. Kita ambil kerana Menteri Kementerian Pengangkutan, bukan Melayu. Kita ambil dan beri kepada Dr Yusuf. Dr Yusuf orang Melayu, Bumiputera, pun ada juga yang kompiain. Tapi, bila dapat pun tak selesai juga masalah ekonomi Melayu.

Kita buat macam-macam. APlah konon; Universiti Kebangsaan untuk pelajaran; kita beri biasiswa; adakan kuota Bumiputera dalam universiti; kontrak kelas F semua Bumiputera; yang kontrak besar pun kita beri walau mahal sikit lima peratus; modal pun kita tambah kadang-kadang 15 peratus pun kita beri; saham dalam syarikat asing kita suruh disusun semula dan beri kepada Bumiputera; suruh jual saham lebih murah kepada Bumiputera; suruh jual rumah kepada Bumiputera pada harga yang murah; penyertaan semua Bumiputera dalam tender kerajaan mesti ada; cuma travel agen Bumiputera saja boleh dapat tempahan daripada kerajaan. Tanam tembakau pun Bumiputera, pengawet pun Bumiputera, agen pun Bumiputera; lesen bot nelayan laut dalam pun Bumiputera; yang buaya di atas darat pun Bumiputera, yang da-

Di dunia baik, di akhirat baik. Hendak pergi syurga bukan senang-senang dengan main gambus saja. Bukan apa, sebab gambus daripada Arab, jadi setengah orang kata bila benda tu bunyi Arab, tetap syurga punya. Susah. Semuanya susah. Kerajaan tidak berjaminan bahawa untuk atasi masalah ekonomi Bumiputera adalah perkara yang mudah. Cara yang kita cadang, cara yang saya sebut dalam ucapan adalah cara yang cukup susah. Tetapi boleh buat, kerana orang lain boleh buat. Orang Jepun boleh buat, orang Korea boleh buat, orang Taiwan boleh buat, orang Cina boleh buat, orang putih boleh buat tapi dululah, sekarang ini tak boleh buat sebab pemalas.

Saya lihat orang putih perbaiki Jabatan Penuntut Malaysia di London. Dia datang jam 8.30 pagi. Masuk-masuk dia hisap rokok dulu, lepas itu banchu cat. Jam 10 'tea break', macam kita jugalah. Tapi, dia punya 'tea break' lama, dekat satu jam. Lepas itu masuk sambung banchu cat. Banchu sekejap, 'lunch break'. Berhenti pula satu jam setengah. Lepas makan tengah hari baru nak mula sanu cat sikit. Lepas itu jam 4 petang, habis. Bafik. Tak ada kerja apapun, sebab itu ekonomi

mereka merosot. Kalau kita ikut yang itu, kita pandang ke Barat lagi, habislah kita.

Tetapi, kita ikut cara Jepun. Bukan susah nak ikut Jeoun. Kita hantar pekerja-pekerja Proton bekerja dengan Mitsubishi Motors Corporation; 300 orang kita hantar. Kalau hari ini Proton boleh dapat medal berkali-kali, boleh jual beratus ribu, boleh masuk pasaran Britain dengan jayanya, sebabnya ialah pekerja-pekerja di Proton belajar dan menyerap segala etika kerja orang Jepun. Maknanya, kita boleh buat. Susah tapi boleh buat, bukan susah sampai tak boleh buat. Cara yang kita nak tunjuk ini cara yang susah tetapi boleh buat, asalkan kita sanggup.

Kalau kita sanggup kerajaan ada caranya untuk menolong supaya kita dapat menyerap cara yang boleh membawa kejayaan kepada kita. Tetapi, kalau kita terus bergantung kepada cara lama; contohnya macam orang datang jumpa Rafidah, minta AP. Berilah AP sikit, saya hutang banyak ni, RM80,000. Kalau "you" boleh beri sikit saja AP, bolehlah bayar hutang. Bukan dia hendak berniaga dengan AP ini, dia hendak jual AP. Ketika saya dilantik sebagai Menteri Perdagangan, perkara

min kalau tidak 100 peratus, menjamin yang lebih baik daripada sekarang.

Kita terima hakikat bahawa tidak ada cara yang mudah untuk menjayakan sesuatu bangsa. Bangsa itu mestilah menerap dan membentuk budaya yang sesuai dengan kejayaan, jika tidak, tidak akan ada kejayaan. Saya telah dapat medal berkali-kali, boleh jual beratus ribu, boleh masuk pasaran Britain dengan jayanya, sebabnya ialah pekerja-pekerja di Proton belajar dan menyerap segala etika kerja orang Jepun. Maknanya, kita boleh buat. Susah tapi boleh buat, bukan susah sampai tak boleh buat. Cara yang kita nak tunjuk ini cara yang susah tetapi boleh buat, asalkan kita sanggup. Kalau kita ada caranya untuk menolong supaya kita dapat menyerap cara yang boleh membawa kejayaan kepada kita. Tetapi, kalau kita terus bergantung kepada cara lama; contohnya macam orang datang jumpa Rafidah, minta AP. Berilah AP sikit, saya hutang banyak ni, RM80,000. Kalau "you" boleh beri sikit saja AP, bolehlah bayar hutang. Bukan dia hendak berniaga dengan AP ini, dia hendak jual AP. Ketika saya dilantik sebagai Menteri Perdagangan, perkara

min kalau tidak 100 peratus, menjamin yang lebih baik daripada sekarang. Kita terima hakikat bahawa tidak ada cara yang mudah untuk menjayakan sesuatu bangsa. Bangsa itu mestilah menerap dan membentuk budaya yang sesuai dengan kejayaan, jika tidak, tidak akan ada kejayaan. Saya telah dapat medal berkali-kali, boleh jual beratus ribu, boleh masuk pasaran Britain dengan jayanya, sebabnya ialah pekerja-pekerja di Proton belajar dan menyerap segala etika kerja orang Jepun. Maknanya, kita boleh buat. Susah tapi boleh buat, bukan susah sampai tak boleh buat. Cara yang kita nak tunjuk ini cara yang susah tetapi boleh buat, asalkan kita sanggup.

RM500,000. Ini datangnya daripada korporat. Janganlah marah sangat kepada korporat. Tak patut, saya tahu orang ini, bila saja Umno nak duit, pergi dekat dia, dia beri. Nak jaga maruah kita, dia beri setengah juta. Nak jaga maruah kita takkan kita nak beri RM12,000 kot?

Mereka ini memang berdamping dan menyokong walau mereka sudah kaya. Mereka rela bantu segala usaha yang kita buat. Jadi, janganlah kata mereka ini jahat. Siapa mereka ini, kita jugalah. Bila kita naik esok, kita-lah jadi orang itu. Orang ini pun dulu macam kita juga. Mereka tidak lupa macam kacang lupa kulit.

Inilah hakikatnya. Jangan kita marah dengan tidak tentukan asas tuduhan kita. Mereka tetap bersama kita, mereka rasa terhutang budi. Jadi, kita jangan kata sangat dekat orang korporat. Mereka sedia bantu kita.

Ada setengah orang yang kata kepada saya, kenapa orang yang kerja dengan saya datangnya dari Kelantan. Orang Kelantan mana boleh sangat. Ini karut, orang Kelantan pun buat kerja kepada Umno, semua sama saja. Mereka duduk dalam kerajaan supaya melaksanakan dasar dan arahan kerajaan. Kalau tidak kita tidak ada negara kita

Umno, kita kena ambil kira juga. Dia pun boleh jadi sokong kita juga, termasuklah pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan bukan sikit, ada 900,000. Kalau dik-n anak dan isteri, ada hampir dua juta. Apakah kita nak tolak dua juta itu. Kalau kita tolak, kita kalah. Kita hendak pegawai dan kakitangan kerajaan semuanya sokong kita supaya kita menang. Kalau kita menang kita boleh jadikan negara kita ini negara maju dan kita dapat nikmat. Jadi, jangan kata semua beri pada Umno, orang lain tak payah. Orang lain pun kena beri kerana kepentingan kita ialah mereka menyokong kita dan barulah kita mendapat kejayaan.

Saya cuba bayangkan di sini sebagai satu susulan kepada ucapan pembukaan saya dua hari lalu, akan betapa pentingnya kita terima hakikat bahawa kedudukan kita ini memerlukan satu usaha yang cukup sukar untuk dilakukan. Tidak ada jalan mudah bagi kita. Saya harap kalau kita terima ini, kita akan dapat capai kejayaan. Inilah sebabnya saya tekankan perkara ini. Saya tidak janji bahawa kita akan mencapai kejayaan dengan cepat dan mudah tetapi Insya Allah, kalau kita usaha dengan cara ini kita boleh memperbaiki lagi kedu-

**pertama** yang saya hentikan ialah pengeluaran AP. Ramai yang marah bukan main, termasuk orang Umno yang dulu dapat banyak AP. Terpaksa saya buat kerana Dembeli AP menunggu di luar bilik Dejabat. Dapat saja AP, sudah ada yang tunggu nak beli AP. Tak payah berniaga apa. Tak payah buat 'showroom'. Sebab itu sekarang ini kalau tidak ada 'showroom', AP pun kita nak kurangkan. Suruh mereka berniaga lain.

Kita kena buat perniagaan yang tidak mudah seperti orang lain juga, supaya bila kita tahu dengan cara yang begitu sukar untuk dijayakan sama seperti orang lain, kita boleh 'bersaing. Tak payah tolong, tak payah tongkat. Niat kerajaan ialah hendak memberi bagi kebolehan kepada Bumiputera supaya mereka boleh berdiri di mana juga. Boleh berjaya di mana juga, itu niat kita. Dan, niat itu tidak boleh tercapai melainkan kalau Bumiputera sanggup menghadapi cabaran ini, sanggup belajar dan menerap etika yang diperlukan. Kalau orang lain boleh, kita boleh.

Macam-macam cara sudah kita usahakan tapi malangnya sehingga kini kita masih menghadapi masalah kedudukan yang tidak adil di antara ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Kita percaya kita boleh atasi masalah ini. Banyak cara yang telah kita kaji. Setelah kita mempunyai pengalaman 35 tahun dalam perkara ini, kita terpaksa akui pendekatan ini sudah tidak sesuai dan tidak mungkin membawa kejayaan. Dengan itu, kita kena tukar kepada pendekatan dan cara yang lebih baik yang boleh menja-

membentuk budaya yang lebih berdaya maju yang boleh menjayakan kita. Untuk ini, tidak ada jalan mudah. Kita mungkin mengambil masa yang lama tetapi biar lambat asalkan selamat. Cara yang sekarang tidak selamat. Kita beri, ia hilang.

Syarikat-syarikat yang disebut tadi kebanyakan sudah disusun semula. Ketika disusun semula, ada 30 peratus saham Bumiputera, tapi baru inisiatif yang disampaikan kepada saya oleh EPU menunjukkan kebanyakan syarikat yang disusun semula itu, tidak banyak yang ada Bumiputera lagi. Setengahnya tidak ada langsung, setengah tinggal 0.5 peratus, ada lima atau 10 peratus saja. Kenapa begitu? Kerana bila kita terima saham kita hendak kaya cepat. Kita jual saham sebaik saja terima saham. Kalau begitu, habislah. Sebab itu sekarang ini kita tidak begitu gemar jual saham kepada individu Bumiputera melainkan kalau mempunyai keupayaan. Kita jual kepada PNB, Tabung Haji, yang akan simpan. Kalau pun mereka jual, mereka akan beli saham lain, itu caranya barulah kekal milik kita.

Inilah masalah yang kita hadapi. Saya minta kepada tuan-tuan dan puan-puan, terimalah hakikat bahawa tidak ada jalan yang mudah untuk memperbaiki ekonomi Bumiputera ini. Apa yang kerajaan cuba sekarang ini ialah untuk mencari jalan supaya apa yang dimiliki oleh Bumiputera akan terus kekal dan bertambah sendiri. Memang sudah ada pun tokoh korporat Bumiputera yang sudah ada duit. Sebab itu kita dapat kutip Tabung Bosnia hingga lebih

yang semacam ini. Sehingga KSN baru-baru ini minta supaya pegawai kerja lebih setengah jam.

Jadi, saya berpendapat kita harus hormat mereka ini yang sebenarnya berkhidmat untuk kita. Ada cadangan supaya kita beri semuanya kepada Umno. Bagi semua apapun, termasuk kontrak kepada Umno. Kita sanggup beri, tapi saya jamin satu kali lagi pilihanraya, kita kalah. Sebabnya Umno masih lagi minoriti. Kita tidak boleh menang dalam pilihanraya semata-mata sokongan daripada Umno. Kita menang dalam pilihanraya kerana orang bukan Umno pun sokong kita. Kalau kita beri semua kepada Umno, orang lain tak dapat, buat apa dia nak sokong kita. Kita bergantung kepada orang bukan Umno, termasuk orang bukan Melayu. Mereka sokong, kalau tidak kita tidak menang.

Jadi, kita tidak boleh anggap bahawa oleh kerana kita parti kerajaan maka segala-galanya yang dimiliki oleh kerajaan adalah hak kita. Kita jadi parti kerajaan kerana kita hendak kerajaan ini membentuk sebuah negara yang berdaya maju dan memberi tempat kepada kita dan kepada orang Melayu dan Bumiputera dan juga mengambil kira semua kaum yang ada di dalam negara kita kerana mereka juga sokong. Kita tidak boleh ambil semua untuk diri kita manakala orang lain pun nak dapat juga.

Tapi, kalau kita nak beri semua kontrak hanya kepada orang Umno, saya yakin kita tidak boleh mencapai kemenangan. Kita adil dalam perkara ini. Kalau orang yang buat tawaran itu lebih baik daripada orang

dukun kita. Tahun depan kita akan bersidang lagi dan kita akan denaar sekali lagi sungutan yang sama. Kalau tidak percaya, catatlah apa yang dikatakan hari ini dan bandingkan dengan apa yang akan diperkatakan tahun depan atau sama dengan tahun lepas.

Saya harap dalam pada kita chairah dengan kecaman-kecaman yang begitu menarik, saya harap usaha yang berasaskan kepada kajian yang mendalam. Dr Afifuddin umpamanya, ada membuat kajian yang cukup dan memberi semangat kepada saya juga. Kalau dulu saya beranggapan pepatah Melayu ini banyak yang mengecewakan, dia telah tunjukkan ada pepatah Melayu yang tidak mengecewakan. Kita patut tolak pepatah yang mengecewakan.

Jadi, saya harap perbahasan yang mempunyai sedikit sebanyak kaji selidik diterima juga oleh perwakilan. Kita perlu kepada ucapan yang berasas kepada kajian yang mendalam. Kita kena ada kualiti dalam debat di samping kita dengar ucapan seperti wakil Langkawi yang buat seloka. Dengan itu kita dapat lebih banyak manfaat. Alhamdulillah, mesyuarat kita berjalan dengan baik dan sampaisaat yang akhir.

Saya berdoa, dalam perjalanan balik, tuan-tuan dan puan-puan tidak menghadapi kejadian yang tidak diinginkan. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Umno, ibu pejabat Umno dan akhirnya ucap selamat pulang kepada perwakilan sekecualian. Wabillahaufik walhidayah, Assalamualaikum.